


RUMAH REMBAU
DAN
RUMAH MELAKA

YAAKUB BIN IDRUS

MAKTAB PERGURUAN ILMU KHAS,
KUALA LUMPUR
1966

RUMAH REMBAU
DAN
RUMAH MELAKA


Rumah kecil tiang seribu,
Rumah besar tiang sebatang;
Kecil-kecil di-timbang ibu,
Bila besar di-timbang gelombang.



Rumah
REMBAU
&
Rumah
MELAKA

OLEH YA'AKUB BIN IDRUS (N.S.)


DI-MAKTAB PERG. ILMU, KHAS, K.L. (1966)



Rumahnya **REMBAU**



OLEH YA'AKUB BIN IDRUS (N.S.)



Rumah MELAKA



DI-MAKTAB PERG. ILMU. KHAS. K.L. (1966)


pada rumah-rumah mēlayu di-kēdua-dua kawasan
itu dan juga tentang istilah-istilah yang di-guna-
kan pada alat-alat atau bahagian-bahagian rumah
rumah di-kawasan-kawasan yang tērsbut supaya kita
dapat-lah kēlak pēmbacha-pēmbacha mēmahami
dēngan lēbih jēlas apa-apa-kah sifat-sifat, bēntok-
bēntok, atau bahagian-bahagian yang sa-rupa atau
yang bērbedza-bedza antara kēdua-nya. zczczczcz
Akhir-nya di-harapkan buku kajian ringkas ini akan
akan mēmbērikan sadikit sumbangan kepada alam
pēngētahuan yang maha luas ini ibarat api sa-
batang lilin akan mēnērangi chērok-chērok rumah
yang tidak sampai cahaya lampu letrik. aaaaaa

(H. Jams)
pēnyusun

Kandongan - nya

- bahagian 1. rumah melayu sa-chara umum ... ms. 15 - 29
- ” 2. bahagian perkakas rumah melayu ... ” 31 - 39
- ” 3. kawasan melaka dan rembau ” 41 - 44
- ” 4. rumah melaka dan rumah rembau . ” 46 - 54
- ” 5. sifat, dan perbedzaan-nya ” 56 - 89
- ” 6. pandangan dan harapan ” 91 - 95

Rumah Limas gaya Johor.




BAHAGIAN DUA

Untuk memudahkan lagi kerja memahami dan mengkaji rumah Melayu maka molekul-lah kita mengenal akan perkakas-perkakas dan nama-nama (istilah-istilah) bagi tiap-tiap satu-nya, dengan itu kelak tidak-lah terchari-chari apabila pembacha bertemu dengan nama-nama bahagian-bahagian tersebut.

Sa-bagaimana yang telah di-terangkan, bahawa rumah-rumah Melayu ada-lah di-buat daripada bahan-bahan kayu yang di-pahat tiap-sendi dan persambongan-nya. Maka tiap-tiap satu-nya itu ada dengan nama dan tempat-nya masing-masing yang tertentu. Apabila di-rombak dan di-pasang balek, maka tiap-tiap bahagian itu mesti-lah di-tempat-nya masing-masing - ta' boleh di-tukar ganti. Ini sudah pasti-lah menghen-^{hai} daki si-pemasang itu atau tukang-nya mengeta-^{hai} dan mengenal betul-betul nama-nama tiap-tiap bahagian itu. Di-bawah di-bentangkan beberapa di-antara nama-nama itu. Di-samping memba-^rcha keterangan itu elok-lah di-perhatikan gam-

**bahagian
perkakas
rumah
melayu**

barangah yang di-tëraikan di-bawah ini:-



Gambarajah ini ada-lah bëntok rumah Mëlaka Ma-ma-nama këbanyakan-nya sama (common) bagi këdua.

dua-nya, kēchali bēbērapa bahagian sahaja daripada nya yang ada pada rumah Rēmbau tiada pada rumah Mēlaka ia-itu saperti 'gēta' dan 'tiang guntong'.^{2.2.} Tentang hal ini akan di-tērangkan dalam gambarajah yang lain.

tiang Bahagian yang paling penting pada sa-sabuah rumah, khas-nya rumah Mēlayu ialah 'tiang'. Biasa-nya rumah Mēlayu mēmpunyai dua bēlas batang tiang. Ini biasa di-kira hanya x rumah ibu tērmasok kēlit anak dan sērambi tanpa anjong. Sadikit bēnar orang yang mēmbuat rumah tiang ēnam bēlas. Tiang rumah dapur dan lain-lain bahagian bahagian rumah tidak di-kira kērana pada masa dahulu orang Mēlayu mēmbērikan sapōnōh pērhatian kepada rumah ibu dan sērambi sahaja.³ Rumah dapur di-buat sa-bagai bangunan tambahan,³ jadi tidak-lah pērtu di-buat dēngan bagitu tahan x kērana ia mungkin akan di-ganti dēngan yang baha-ru apabila tēlah lapok atau apabila di-jual, si-pēmbēli biasa-nya si-pēmbēli akan mēmbuat rumah dapur yang

baharu. Sedangkan di-Rembau pula sa-belum pemerentahan undang Datok Abdullah ada-lah terlarang sa-membuat rumah dapur lebih besar atau lebih elok daripada rumah ibu. Istana-istana yamtu di-Seni Menanti pula memang tidak berumah dapur kerana makanan raja di-masak di-tempat lain sa-belum dihidangkan di-istana dan mesti di-uji oleh tukang oo-perasa di-raja sa-kinanya makanan itu mengandungi racun dan lain-lain.

rasok, gēlēgar Sa-lepas tiang pula 'rasok'-lah perkakas rumah yang terpenting kerana dia-lah menolong menegakkan perdirian tiang. Ia di-pasang membujur dari bahagian hadapan ka-bahagian belakang rumah. Di atas rasok-lah terletak nya 'gēlēgar-gēlēgar' di-mana rantai terletak atau di-pakukan. Jadi-nya segala keberatan atas rumah ada-lah di-tanggong oleh rasok, hingga terbit-lah satu peribahasa yang berbunyi:

“Gar-gar kata gēlēgar,
rasok juga yang menahan.”

pēlanchar Kepingan-kepingan papan tē-
bal saperti rasok juga yang di-pasang mēlintang-ss
mēmanjang dari kiri ka-kanan rumah mēnērusi ss
barisan-barisan tiang itu. Lētak-nya di-bahagian ba-
wah lantai.

alang Ia-itu suatu balak yang di-
pasangkan di-atas kēpala tiang mēmbojor sa-lari dē-
ngan rasok tētap tiap-tiap satu-nya mēnyambong-
kan dua tiang di-bahagian tēngah rumah ibu atau
rumah dapur sahaja. Kalau rasok mēnēgapkan pēr-
dirian tiang di-sabēlah bawah, alang pula bērtugas
sa-bagai pēngunchi di-bahagian atas. ssssssss.

Alang yang mēlintang sa-lari dēngan pēlan-
char di-namakan 'alang panjang' atau 'tutup tiang'.

Dēngan tērpasang-nya rasok, pēlanchar, ss
alang dan alang panjang maka boleh-lah tiang-ti-
ang bērdiri dēngan tēgap

tunjak langit Ia-lah sa-batang tiang yang
kēcil yang di-pasang tēgak di-tēngah-tēngah alang

dan di-atusnya-lah 'tulang bumbong' di-pasangkan
menjadi-lah bumbong rumah itu.

kasau jantan

Ia-itu kayu yang di-
pasang chondong sa-bagai tupang menegakkan tun-
jak langit; pangkal-nya tertumpu ka-hujung dan
pangkal alang. Di-atas kasau jantan itu berle-
tak gulong-gulong.

tulang bumbong

Ia-itu sa-batang ss
kayu panjang kecil yang di-pasang melintang-ss
bumbong rumah ya'ni menghubungkan banjaran
tunjuk langit tadi. Tulang bumbong ada-lah baha-
gian kayu alat rumah yang tinggi sa-kali letak-
nya. Hanya perabong sahaja-lah yang melebihi
tinggi-nya kerana perabong itu bertugas menyela-
matkan tulang bumbong itu daripada di-timpa hu-
jan.

pelancar tunjak langit

Ia-itu sa-keping
beruti panjang yang di-pasang sa-lari dengan tu-
lang bumbong menerusi tebok-tebokan di-tengah-ti-

ngah tunjak langit tadi. ~ ~ ~ ~ ~

gilong Ia-lah bēbērapa batang bēruti panjang yang di-pasang mēlintang rumah di-atas an kasau-kasau jantan, guna-nya bagi tēmpat mēlētakkan kasau-kasau.


kasau Bēbērapa batang kayu atau bēruti kēchil-kēchil panjang yang di-pasang dari atas v bumbong mēmbujor hingga ka-chuchor atap. Di — atas kasau-kasau ini-lah di-susunan atap.

bēndul Ada-lah balak yang di-pasang bērkēliling rumah sama paras dēngan lantai. Tugas — nya sa-lain daripada mēmbahikan chantek ada-lah a juga sa-bagai dasar tēmpat jērējak di-lētakkan di — mana dinding di-pakukan (jika dinding itu jēnis s dinding sēlisēh atau mēlintang). Jika dinding itu jēnis tēgak, dinding itu sēndiri tērlētak di-atas bēndul itu. Bēndul ini pula di-lētakkan di-atas hujong — hujong rasok dan 'tupai-tupai' yang di-buatkan khas

untuk-nya : Tupai-tupai itu pula di-sangkutkan pada hujung-hujung rasok atau pēlanchar mēnurut jēnis rumah itu : jēnis Rēmbau-kah atau jēnis Mēlaka.??

sokong barat

Sa-batang kayu butat panjang yang di-pasang chondong mēnyerong mēnyusor atap bumbong dari kaki-kasan jantan yang tēpi sa-kali hingga ka-punchak tunjak langit tēpi yang sa-bēlah lagi. Sokong barat hanya tērdapat pada ru-



mah-rumah yang kēchil yang ta' bērpahat atau yang pahatan-nya kurang baik ia-itu dēngan tujuan untuk mēnēgapkan pērdirian bumbong rumah itu.


gēta

Sa-kēping bēnuti yang di-pasang sa-lari dēngan alang mēnērusi tēbokan dua batang tiang tēngah rumah tērkebawah sadikit daripada alang. Sa-tēngah rumah ada satu gēta lagi di-sabēlah atas alang pula - gēta hanya tērdapat pada ru-

mah-rumah bĕntok Rĕmbau sahaja . Tugas-nya untok mĕnambah tĕgap tiang-tiang tĕngah rumah, tĕtapi guna-nya yang paling utama ia-lah tĕmpat mĕlĕtakkan tiang-tiang guntong di-bahagian hujung-hujung-nya.


tiang guntong

Ia-itu tiang-tiang-n pendek yang di-pasang antara hujung alang dĕngan hujung gĕta . Mĕnĕrusinya-lah di-pasangkan kasau-kasau jantan sĕrambi dan kĕlit anak. Ini pun satu sifat khas bagi rumah Rĕmbau sahaja



Ada bĕbĕrapa banyak lagi bahagian-bahagian yang kĕchil kĕchil-kĕchil yang rasa-nya tidak bĕrapa pĕr lu kĕrana tidak untok rojokan dalam mĕmahami isi-isi tulisan dalam buku ini





Istana tua di-Seri Mananti yang keseluruhannya di-perbuat dari kayu.

TAMM





Dengan rasa terharu &
terhutang budi, ku-persembahi


Terima Kasih


yang ta terhingga kepada mereka yang
berbudi dan bertanggung jawab kerana
memberikan buah fikiran yang bernilai
dan bahan yang berguna untok men-
jayakan kelahiran buku ini. xxxxx
- kepada pihak Muzium Negara, n
Kuala Lumpur kerana beberapa bu-
ah buku rojokan. xxxxxxxxxxxxxxxx

-kapada pehak Maktab Perguruan x
 Bahasa, Lĕmbah Pantai, kĕrana ss
 bĕbĕrapa buah buku rojokan. sssss
 -kapada Che'gu Aziz bin Tapa, ss
 Mĕlaka kĕrana mĕmbĕrikan bahan,
 dan saranan, yang mĕmbina. xxxxx
 -kapada tukang Sidang Katas, Lubok
 China, Mĕlaka, kĕrana pĕnĕrangan, x
 yang panjang lebar bĕrkĕnaan rumah
 bĕntok Mĕlaka. ~~~~~
 -kapada tukang Lasim bin Mahat,
 Hota, Rĕmbau, kĕrana kĕtĕrangan, ss
 yang panjang lebar bĕrkĕnaan rumah
 pahatan Rĕmbau. ccccccccccccccc
 -kapada Tuan Haji Minap, Kg. Lĕri
 Lĕmak, Rĕmbau, kĕrana mĕmbina, x
 kan mĕngkaji rumah-nya dan mĕm-
 bĕrikan kĕtĕrangan, yang bĕrguna. eee

Bahan, Pembacaan

1. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Volumes vii, 1929, xxix, Part 3, 1956, 2. "Rumah" *Journal Society of Malayan Architects*, Vol. 3 Nov. 1960, vol 2, March 1958. 3. *Itikayat Abdul-lah*. 4. *Sejarah Melayu*, 2 5. *Majalah Mastika dan lain-lain*, xxxix.





Buah chēmpēdak di-luar pagar,
Ambil galak tolong jolokkan;
Saya budak baharu bēlajar,
Kalau salah tolong tunjukkan.

da pandangan saya sendiri pula, semua jawapan mereka tadi ada belaka keb^{na}erannya, cuma satu perkara patut di-tambah ia itu dari segi segi pilihan atau konsep orang-orang sekarang dalam perkara memilih. Manusia sukakan sesuatu yang baharu'. Rumah limas ada-lah di-anggap bentok rumah yang terbaharu di-antara bentok bentok rumah yang terdapat di-kawasan ini-masih belum banyak orang yang membuat-nya. Jadi apabila rumah limas-nya terdiri maka kelihatan-lah rumah-nya tegak gagah di-antara rumah-rumah perabong panjang lembut (graceful) potongan-nya itu. Dengan ini pandangan orang-orang di-sakeliling-nya akan tertarek kepada rumah yg baharu itu, istimewa rumah limas yang agak ganjil sedikit potongan, kerana rumah limas itu pula memang lebih mudah di-ubah-ubah gaya-nya, (banyak variety), tidak statis atau sa-ragam seperti rumah perabong panjang itu.

Pada orang yang memementingkan kejimatan masa pula memilih rumah limas kerana rumah